



**Muhammad Amirul Haikal** (kiri) bersama-sama rakan di kedai Zikr One IT.

**info**

**Zikr One IT**

Waktu beroperasi  
10 pagi - 8 malam  
(Isnin - Jumaat).  
Menawarkan khidmat  
membaiki semua jenis  
komputer riba.  
Menjual pelbagai jenis  
komputer riba.

# Ikat perut kumpul modal

Oleh **Meor Ahmad Nasrin Rizal Ishak**  
meor.ahmad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**ermintaan tinggi mahasiswa terhadap khidmat membaiki dan mengemas kini perisian komputer riba mencetuskan idea Muhammad Amirul Haikal Misman, 24, untuk menjalankan perniagaan itu sejak tahun 2014.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang (Dengan Kepujian) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu nekad membuka kedai menjual dan membaiki komputer riba, Zikr One IT, di dalam kampus bermodalkan RM9,000 hasil tabungan sendiri selepas mendapatkan nasihat ibu bapa.

"Saya sanggup mengikat perut demi menyimpan duit untuk membuka kedai. Saya terfikir, kebanyakan pelajar ada komputer riba.

"Maka jika memberikan khidmat yang baik dengan harga jauh lebih murah berbanding pasaran luar, sudah



**Muhammad Amirul Haikal**

tentu pelanggan akan memaklumkan kepada pelajar lain untuk datang ke kedai saya," katanya.

**Manfaatkan pengalaman**  
Beliau tidak ketinggalan memanfaatkan pendedahan terdahulu membaiki komponen komputer riba di sebuah syarikat di Kuala Selangor dan pengalaman mengambil upah daripada beberapa rakan atas khidmat sama.

Kini, perniagaannya menerima sambutan cukup membe-rangsangkan sehingga mampu meraih keuntungan RM700 hingga RM800 sehari daripada khidmat membaiki komponen dalam komputer riba.

Selain memperoleh pendapatan sampingan dengan memanfaatkan masa sebaik mungkin, beliau mengaku juga meraih kepuasan peribadi kerana berpeluang membantu keperluan rakan sekampus pada

harga berpatutan.

**Bantu pelajar**

"Niat utama saya ialah membantu pelajar di USIM. Mereka tidak perlu lagi keluar mencari kedai membaiki komputer riba yang kebanyakannya ter-

letak jauh dari kampus.

"Dari segi perbandingan harga pula, saya hanya mengenakan caj RM190 hingga RM250 berbanding boleh mencecah RM350 di luar kampus," katanya. Bagi menangan

cabaran berniaga sambil mengikuti pengajian pula, Muhammad Amirul Haikal tidak menafikan perlu bijak mengatur jadual seimbang, di samping rakan turut membantu dalam pembelajaran.



**Membaiki komputer riba** pelanggan di kedai Zikr One IT.